

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY  
[KAPAR - PKR]**

**SOALAN NO. 523**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) faktor-faktor yang menyebabkan bendera Indonesia dalam buku cenderamata khas Sukan Asia Tenggara (SEA) 2017 disalah cetak dan terbalik sebagai bendera Poland dan faktor-faktor yang menyebabkan Negara Indonesia dan Negara Thai diberi bendera yang salah (ditukar antara satu sama lain) pada muka surat 40 dalam buku cenderamata khas Sukan Asia Tenggara (SEA) 2017; dan
- b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan terhadap Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Malaysia (MASOC) di atas beberapa kesilapan dan kecuaian yang memalukan imej negara seperti kesilapan cetakan bendera dalam buku cenderamata khas, pemandu bas tidak berlesen, keracunan makanan, maklumat pemenang dan bendera yang salah serta kegagalan menggunakan jualan tiket secara atas talian dalam Sukan Asia Tenggara (SEA) 2017.

**SULIT****JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buku cenderamata khas berkenaan adalah tajaan sebuah syarikat yang ingin memberi sumbangan dalam bentuk cetakan buku dan segala kos terlibat adalah di bawah syarikat berkenaan. Buku tersebut telah disemak oleh beberapa orang pegawai dan maklumat di dalam buku berkenaan adalah dari sumber yang sahif seperti Majlis Olimpik Malaysia dan Majlis Paralimpik Malaysia. Walau bagaimanapun, kesilapan tersebut adalah tidak disengajakan dan semakan dibuat lebih kepada maklumat-maklumat yang ingin disampaikan supaya tidak lari daripada fakta sebenar.
  
2. Kementerian Belia dan Sukan telah mengeluarkan permohonan maaf atas kesilapan cetakan bendera yang tidak disengajakan berkenaan kepada seluruh rakyat Republik Indonesia. Menteri Belia dan Sukan Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengelola telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pemuda dan Olahraga Republik Indonesia pada 20 Ogos 2017 bagi memohon maaf atas kesilapan berkenaan. Lanjutan itu, Kementerian Luar melalui Wisma Putra juga telah mengemukakan permohonan maaf atas kesilapan berkenaan bagi pihak Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Republik Indonesia. Buku berkenaan telah dicetak semula dan diedarkan kepada semua tetamu kehormat terutama wakil-wakil kerajaan

**SULIT**

ASEAN bagi menggantikan buku cenderamata yang mengandungi kesilapan itu.

3. Bagi permasalahan lain yang berlaku, tindakan telah diambil di peringkat dalaman melalui jawatankuasa yang telah dipertanggungjawabkan bagi bidang tugas berkenaan. Kementerian juga telah mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelakkan perkara berkenaan berulang pada Sukan Para ASEAN dan segala permasalahan telah dapat diselesaikan tanpa melibatkan sebarang implikasi dan kesan kepada imej Kerajaan.

Sekian, terima kasih.